



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

19 April 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Ahad, 25 Syaaban 1441H bersamaan 19 April 2020M, **1 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 138 orang.**

- **Kes 138** berumur 50 tahun ialah kontek keluarga kepada Kes 33. Beliau telah menjalani ujian makmal pada 13 Mac 2020 iaitu semasa Kes 33 mula-mula dikesan di mana hasil ujian beliau ialah negatif. Beliau kemudiannya didapati positif berikutan pemeriksaan susulan bagi Kes 33 pada 18 April 2020. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan. Kes ini masih di dalam penyiasatan lanjut.

2. Sementara itu, **2 kes aktif** telah disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 115 orang.** Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada **22 kes.** Daripada jumlah tersebut, di

mana 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada hari ini juga, seramai **125 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah sebanyak **2,408 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 218 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 11,472 ujian.
5. Mengenai dengan kes yang telah sembuh tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa 2 lagi kes sedemikian telah dikesan manakala seorang daripada mereka yang sedang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah dibenarkan pulang. Jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini ialah sebanyak 18 orang di mana 13 orang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.
6. Pada hari ini, Kementerian Kesihatan telah dimaklumkan bahawa terdapat sesetengah orang awam telah mengadakan perhimpunan beramai-ramai di tempat-tempat awam seperti di taman dan hutan rekreasi. Kementerian

Kesihatan ingin sekali lagi mengingatkan orang ramai bahawa sebarang aktiviti yang melibatkan perkumpulan ramai di tempat-tempat awam, terutama sekali di taman dan hutan rekreasi, pantai-pantai dan tasek-tasek adalah tidak dibenarkan sama sekali. Orang ramai perlu melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan kerana kes baru pada hari ini membuktikan negara kita masih lagi berada di bawah ancaman wabak COVID-19 dan kita perlu untuk terus berjaga-jaga dan tidak leka serta sentiasa mematuhi arahan-arahan dan nasihat yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 25 Syaaban 1441H / 19 April 2020